

15 MAR 1999
Mahathir-Osu

SABAH PERLU PIMPINAN UMNO UNTUK HADAPI PILIHAN RAYA UMUM -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Datuk Osu Sukam dilantik Ketua Menteri Sabah yang baru kerana Barisan Nasional (BN) berpendapat Umno perlu memimpin kerajaan Sabah bagi menghadapi pilihan raya umum yang seharusnya diadakan selewat-lewatnya April tahun depan.

Dr Mahathir berkata ini kerana Umno mendapat sokongan kuat dan berkemampuan melaksanakan pembangunan dan projek di Sabah.

Katanya keputusan melantik Osu juga dibuat kerana bekas Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok yang sepatutnya meneruskan sistem penggiliran jawatan ketua menteri negeri itu tidak menang dalam pilihan raya negeri itu baru-baru ini.

"Kita buat keputusan giliran orang Kadazan diberi bukan pada permulaan tetapi yang kedua," kata beliau pada persidangan berita selepas mesyuarat delegasi antara Malaysia dan Poland hari ini.

Delegasi Poland diketuai oleh Presidennya Aleksander Kwasniewski.

Dr Mahathir berkata sistem penggiliran akan tetap diteruskan dengan Umno mengambil alih jawatan ketua menteri untuk dua tahun diikuti oleh giliran Parti Demokratik Sabah (PDS) dan selepas itu Parti Maju Sabah (SAPP) atau calon parti Cina.

Barisan Nasional (BN) memenangi 31 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya negeri Sabah yang berakhir Sabtu lepas tetapi Dompok tewas di kawasan Moyog. Osu hari ini mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri baru.

Dr Mahathir berkata pelantikan Osu diterima oleh semua pemimpin parti komponen BN yang mengadakan mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kota Kinabalu semalam.

"Saya mendapat laporan dari timbalan saya tentang perbincangan semalam. Mereka mendapatkan pendapat semua pemimpin komponen BN dan mereka membuat keputusan yang diterima pemimpin-pemimpin lain," katanya.

Ditanya sama ada pelantikan Osu bermakna Umno akan memegang jawatan Ketua Menteri setiap kali selepas pilihan raya negeri itu, Dr Mahathir ia tidak semestinya demikian.

"Kita ada sedikit masalah kerana perwakilan PDS dalam kerajaan lemah kerana Dompok tidak dipilih. Kita perlu kerajaan yang kukuh dan sebab itu kita beri pada UMNO," kata beliau.

Katanya, sekiranya Dompok menang pada pilihan raya itu, beliau pasti dilantik semula sebagai Ketua Menteri walaupun PDS hanya ada dua atau tiga kerusi kerana beliau mempunyai pengalaman serta menjadi Pengerusi BN Negeri.

-- BERNAMA
AR NMO